

18/02/1999

Puteri Saadung singkap kisah Raja Kelantan

TUJUH pelakon popular akan bersama menjayakan teater Puteri Saadung yang bakal dipentaskan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pada 22 hingga 28 Mei depan.

Mereka ialah Sabri Yunus, Raja Azura, Anne Hamid, Juhara Ayob, Sani Sudin, Wan Hanafi Su dan Zulkifli Ismail.

Ia dianggap sebagai usaha meneruskan pementasan kisah legenda sambil menerapkan pengetahuan cerita rakyat untuk generasi muda.

Teater itu juga akan membabitkan penampilan istimewa Seniman Negara, Hamzah Awang Hamad dan primadona makyung, Khadijah Awang, selain beberapa aktivis teater termasuk Rohimi Sobeng dan Samoza.

Puteri Saadung dianjurkan Majlis Gabungan Seni Budaya Kelantan dengan kerjasama Yayasan Belia Malaysia.

Jurucakap penganjur berkata, kisah Puteri Saadung dalam versi terbaru itu kelak akan mengubah sedikit bahagian akhirnya bagi menyesuaikan dengan perkembangan semasa.

Menerusi teater itu juga, katanya, ia buat kali pertama membabitkan kerjasama teknikal daripada graduan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan pelajar kursus Seni Persembahan Universiti Malaya (UM).

"Skrip untuk pementasan teater ini dihasilkan oleh Sharifudin Abdul Rahman yang turut bertindak sebagai pengarah. Perbelanjaan teater ini agak besar dan kita harap ia boleh menarik perhatian ramai," katanya.

Penaung teater itu ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan dijangka akan turut ditonton oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kisah Puteri Saadung adalah cerita legenda popular mengenai pemerintahan beraja di Kelantan yang menyelitkan unsur percintaan dan kesetiaan serta banyak peristiwa menarik dan kisah misteri.

(END)